

See discussions, stats, and author profiles for this publication at: <https://www.researchgate.net/publication/383869237>

Pembentukan Kerangka Politik Idealisme Berasaskan Nilai Dengan Menggunakan Pendekatan Manhaj Malizy Dalam Kalangan Ahli Politik di Malaysia

Conference Paper · September 2024

CITATIONS

0

READS

108

5 authors, including:



Hamdan Salleh

UNISEL | Universiti Selangor

29 PUBLICATIONS 4 CITATIONS

SEE PROFILE



Ng Ming Yip

UNISEL | Universiti Selangor

21 PUBLICATIONS 10 CITATIONS

SEE PROFILE



Rashidin Bin Idris

Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)

29 PUBLICATIONS 107 CITATIONS

SEE PROFILE



Nor Aida Sapuan

UNISEL | Universiti Selangor

13 PUBLICATIONS 3 CITATIONS

SEE PROFILE

PEMBENTUKAN KERANGKA POLITIK IDEALISME BERASASKAN NILAI DENGAN MENGGUNAKAN PENDEKATAN MANHAJ MALIZY DALAM KALANGAN AHLI POLITIK DI MALAYSIA

Hamdan bin Mohd Salleh

Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial, Universiti Selangor &
Institut Kajian Pilihan Raya dan Pemajuan Demokrasi, Universiti Selangor,
E-mail: hamdan@unisel.edu.my

Ng Ming Yip

Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial, Universiti Selangor &
Institut Kajian Pilihan Raya dan Pemajuan Demokrasi, Universiti Selangor,
E-mail: mingyip@unisel.edu.my

Rashidin Idris

Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial, Universiti Selangor &
Institut Kajian Pilihan Raya dan Pemajuan Demokrasi, Universiti Selangor,
E-mail: crashidin7@unisel.edu.my

Nor Aida Sapuan

Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial, Universiti Selangor
E-mail: aidasapuan@unisel.edu.my

Rus Shafrena Sapee

Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial, Universiti Selangor
E-mail: russhafrena@unisel.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti elemen yang saling berkait dan ciri penting yang menjadi asas kepada kejayaan membina negara bangsa Malaysia yang berjaya. Elemen yang dikenalpasti menjadi faktor penting dalam pembentukan Kerangka Politik Idealisme hasil daripada gabungan paduan antara ciri dan tingkah laku rakyat Malaysia yang bertanggungjawab demi mewujudkan perpaduan dalam suasana yang harmonis, rakyat yang bermaruah, berwatak dan berotak, semangat untuk bangkit, berjuang menumpaskan tirani, menentang kebatilan, perkauman sempit dan faham rasis, dan mencipta mekanisme untuk melantik pemimpin yang adil yang menunaikan tanggungjawab terhadap rakyat. Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan perbincangan kumpulan sasar dalam kalangan mahasiswa dan mahasiswi Universiti Selangor untuk mendapatkan data dan maklum balas kepada elemen-elemen Politik Idealisme yang dikenalpasti. Perbincangan elemen kajian tertumpu kepada persoalan seperti Malaysia yang diidamkan oleh anak muda, pemimpin yang diharapkan, ciri-ciri pemimpin politik yang diidamkan, pandangan anak muda terhadap politik perkauman dan politik berteraskan kaum serta peranan mahasiswa budiman dalam menyumbang kepada politik tanah air. Kerangka Politik Idealisme adalah selari dengan konsep Manhaj Maliziy (Pendekatan Malaysia) iaitu konsep berdasarkan pemikiran Siddiq Fadzil yang membawa pendekatan secara sederhana dalam memastikan kestabilan negara dalam menuju negara maju secara menyeluruh samada dari aspek jasmani, rohani, emosi dan intelek rakyat Malaysia.

Kata Kunci : Politik idealisme, nilai, manhaj malizy, ahli politik

1. Pengenalan

Manhaj Maliziy (Pendekatan Malaysia) berdasarkan pemikiran Siddiq Fadzil, seorang tokoh multidemensi atau pelbagai disiplin yang nadir dalam bidang intelektual, pemikiran, budaya dan bahasa Melayu, tokoh gerakan Islam, murabbi umat dan ideolog bangsa. Kajian ini akan memberi tumpuan kepada ciri-ciri Manhaj Maliziy yang mula diperkenalkan oleh Siddiq Fadzil pada tahun 1991 dalam Seminar Manhaj Maliziy yang dianjurkan oleh Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) di Maktab Perguruan Bahasa, Lembah Pantai, Kuala Lumpur. Kajian ini perlu dilakukan untuk memastikan konsep Manhaj Maliziy yang dikemukakan oleh Siddiq Fadzil merupakan satu konsep

yang bersesuaian dengan suasana keMalaysiaan dalam bidang dakwah, sosio-ekonomi, pendidikan, politik dan seumpamanya. Secara ringkasnya konsep ini yang membawa pendekatan secara sederhana dalam memastikan kestabilan negara dalam menuju negara maju secara menyeluruh samada dari aspek jasmani, rohani, emosi dan intelek rakyat Malaysia. Ianya selaras dengan hasrat kerajaan Malaysia yang telah memperkenalkan Rukun Negara sebagai ideologi negara pada 31 Ogos 1970 selepas tragedi 13 Mei 1969 yang melibatkan rusuhan dan ketegangan antara kaum.

2. Latar belakang kajian

Melalui kajian ini, konsep Manhaj Maliziy ini juga cuba mencari titik temu dengan pola hubungan antarabangsa yang memberi tumpuan kepada kesejahteraan sejagat seperti yang diperkenalkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menerusi *Sustainable Development Goals* (SDGs) (Raman & Pritam 2018). Di Malaysia, kajian mengenai tahap ketegangan masyarakat dinilai melalui instrumen Petunjuk Ketegangan Masyarakat (PKM) ialah 11.6 kes per sejuta penduduk berbanding paras yang dibenarkan iaitu 18 kes per sejuta penduduk. Ianya berdasarkan Pengukuran Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional pada 2018 yang menunjukkan tahap ketegangan masyarakat di negara ini stabil dan terkawal (Roslan Mahmood 2020). Malah Global Peace Index yang diterbitkan oleh *Institute for Economics & Peace* (2024) telah menyenaraikan Malaysia di kedudukan ke-10 berbanding 163 negara dalam senarai negara paling aman di dunia pada tahun 2024. Manakala melalui *World Happiness Report* (2024) yang diterbitkan oleh *Sustainable Development Solutions Network* pula meletakkan Malaysia di kedudukan ke-59 berbanding 153 negara dalam senarai negara paling bahagia di dunia.

Pemikiran Manhaj Maliziy yang dikemukakan oleh Siddiq Fadzil bermula dengan kemunculan peradaban Islam di Tanah Arab dan berkembang di kawasan sekitarnya hingga ke Utara Benua Afrika, Andalusia dan beberapa kawasan di Eropah seperti Perancis, Itali dan sekitarnya. Ianya kemudian berkembang di Alam Melayu pada abad ke-12 yang menyaksikan perkembangan Islam melalui peranan yang dimainkan oleh para pedagang yang sebenarnya adalah para ulama yang menguasai ilmu Islam dengan tujuan menyebarkan dakwah dan mengajak masyarakat tempatan menerima Islam melalui pemerintah yang telah diislamkan terlebih dahulu.

Faktor sosial ekonomi juga menjadi penyebab utama kepada tercetusnya Perang Salib (1096-1291) iaitu perang agama antara umat Kristian di Eropah terhadap umat Islam di Asia yang berlangsung selama hampir dua abad. Para pedagang yang mendominasi kawasan di pantai timur Laut Tengah terutamanya yang berada di kota Venezia, Genoa dan Pisa begitu ghairah untuk menguasai beberapa kota dagang di sepanjang pantai timur dan selatan Laut Tengah demi meperluas jaringan dagang masing-masing. Sekiranya penguasaan ini berjaya dilaksanakan melalui Perang Salib, ianya akan menjadikan kota-kota yang didiami oleh para pedagang Eropah menjadi pusat perdagangan utama yang menyambung jalur perdagangan Eropah hingga merebak ke Timur. Ianya tentunya akan memberi keuntungan besar dari sudut perdagangan, perkembangan ekonomi yang rancak dan penguasaan yang menyeluruh dalam meraih keuntungan yang besar.


3. Metodologi kajian

Pendekatan kualitatif melalui orientasi konstruktif digunakan untuk mendapatkan penjelasan lebih lanjut yang tidak dapat ditafsirkan dalam pendekatan kuantitatif. Tujuannya adalah untuk membuat justifikasi tentang kesesuaian permasalahan kajian. Sesuai dengan pendekatan teori yang diambil untuk memahami persoalan literasi kenegaraan, kaedah penyelidikan yang digunakan ialah penyelidikan fenomenologi. Pendekatan kualitatif dalam kajian ini akan menghasilkan suatu bentuk indikator mengikut tematik, kategorisasi dan penjelasan.

a) Teknik pengumpulan data primer

Perbincangan kumpulan sasaran sering digunakan sebagai pendekatan kualitatif untuk mendapatkan pemahaman yang mendalam tentang isu sosial. Kaedah ini bertujuan untuk mendapatkan data daripada kumpulan individu yang dipilih secara sengaja dan bukannya daripada sampel yang mewakili statistik populasi yang lebih luas (Nyumba et al, 2018). Perbincangan kumpulan sasaran dijalankan kepada 25 orang informan yang merupakan mahasiswa dan mahasiswi Universiti Selangor daripada pelbagai fakulti dan pusat pengajian termasuk Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial, Fakulti Komunikasi, Seni Visual dan Pengkomputeran dan Pusat Pengajian Asasi dan Umum.

Jadual 1: Informan Mengikut Jantina



Kesemua informan telah dikumpulkan dan ditanyakan beberapa soalan yang meliputi aspek berikut:

- Malaysia yang diidamkan oleh anak muda
- Pemimpin yang diharapkan
- Ciri-ciri pemimpin politik yang diidamkan
- Pandangan anak muda terhadap politik perkauman dan politik berteraskan kaum
- Peranan mahasiswa budiman dalam menyumbang kepada politik tanah air.

b) Teknik pengumpulan data sekunder.

Kaedah analisis kandungan digunakan ke atas pelbagai sumber data sekunder bagi mendapatkan maklumat yang lebih luas dan mendalam. Bahan-bahan yang dapat diambil kira sebagai data sekunder ialah: a) Bahan bercetak, iaitu, bahan-bahan seperti rekod-rekod yang tidak diterbitkan dan juga yang diterbitkan, buku-buku, gambar, jurnal, dan akhbar, b) Bahan digital, iaitu, yang bersifat dalam talian seperti laman web.

Dalam kajian yang menggunakan pendekatan kualitatif, data yang diperolehi akan dilihat dan dipisahkan berdasarkan tematik yang ada. Proses analisis data atau penghuraian oleh penyelidik di mana data yang telah dianalisis akan ditampilkan dalam bentuk penceritaan (narration) sesuai dengan konteks kerangka konseptualnya.

c) Mencari dan mengelompokkan makna yang dikemukakan oleh informan dengan melakukan penyelarasan berdasarkan nilai yang sama. Selanjutnya, pernyataan yang tidak relevan dengan topik dan pernyataan yang bersifat ulangan atau tumpang tindih disisihkan.

4. Perbincangan

4.1 Malaysia yang diidamkan oleh anak muda

Tamadun yang dinamakan Malaysia ini dahulunya dikenali sebagai Tanah Melayu. Ianya masih dianggap muda jika dibandingkan dengan negara-negara lain yang sudah lama merdeka tetapi ketinggalan dalam aspek pembangunan. Kemerdekaan negara dikecapi hasil ramuan perpaduan dan toleransi yang telah terbina di antara kaum di Tanah Melayu pada ketika itu seperti mana konsep perpaduan dalam kepelbagaian yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

Ideologi yang menyeragamkan fahaman kemajmukan dan kepelbagaian yang wujud di Malaysia melalui Rukun Negara, lima prinsip asas yang menjadi teras untuk perpaduan negara. Ianya turut diperkuat dengan enam nilai teras dalam dasar Malaysia Madani menitikberatkan soal perpaduan khususnya nilai kedua, keempat dan keenam iaitu Kesejahteraan, Hormat dan Ihsan. Namun begitu, konsep yang baik ini tidak memberikan sebarang makna sekiranya ada individu yang tindak tanduk serta ucapan mereka membentuk pemikiran rakyat masih dikongkong dengan pemikiran sempit. Pendekatan dalam memupuk semangat perpaduan harus diubah kerana kesepaduan sosial bukan hanya pada makanan atau pakaian tetapi cara pemikiran untuk memahami secara mendalam kepelbagaian yang wujud di negara ini bagi mencari titik persamaan.

Malaysia yang diidamkan anak muda adalah negara yang makmur, adil, dan inklusif, di mana mereka memiliki peluang untuk mencapai potensi penuh mereka dan hidup dalam sebuah keluarga besar iaitu Keluarga Malaysia yang saling melengkapi dan bukannya terpisah atas kepentingan peribadi dan politik (Yaakob, 2023). Anak muda adalah aset yang mampu mencorakkan masa depan negara. Generasi muda kini sering diterjemahkan sebagai generasi pewaris negara dan bakal menerajui negara suatu hari nanti. Tanpa dorongan dan bimbingan yang sempurna, mereka juga dijadikan sandaran golongan tertentu untuk meraih keuntungan, populariti dan agenda berkepentingan (Syed Alsagoff, 2021).

Anak muda menginginkan Malaysia yang memiliki ekonomi yang stabil bagi menyediakan peluang pekerjaan yang lebih baik. Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim sewaktu merasmikan Majlis Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri (MATEPM) dan Anugerah Tokoh Mahir 2023 di Pusat Konvensyen Shah Alam (SACC) berkata kestabilan politik yang dikecapi bawah Kerajaan Perpaduan selama setahun berjaya mengundang banyak industri gergasi dunia termasuk syarikat Google, TikTok, Infineon Technologies AG, syarikat automatif China, Geely dan Tesla untuk melabur di negara ini kerana Malaysia kini mempunyai dasar yang jelas.(BERNAMA, 2023).

Kebanjiran pelabur di rantau ini akan membuka peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan dan menguruskan tatakelola dengan baik termasuk graduan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET). Latihan Kemahiran yang secukupnya disediakan oleh Institut Latihan Perindustrian (ILP) dan agensi berkaitan khususnya di peringkat kemahiran tertinggi perlu dipertingkatkan. Syarikat Global Infrastructure Partners (GIP) juga telah memutuskan untuk bersama mengambil ekuiti bagi membesarkan pelabuhan-pelabuhan di negara ini termasuk Pelabuhan Tanjung Pelepas, Johor.

Selain itu, impian anak muda ialah Malaysia memiliki sistem pendidikan yang berkualiti tinggi. Merujuk kepada Khalid (2022), tanpa pendidikan yang baik dengan keadaan ekonomi yang stabil akan menjadikan rakyat mudah dimanipulasi dan dieksploitasi. Dua aspek ini merupakan prasyarat untuk membangunkan dmeokrasi di mana-mana negara sekalipun. Anak muda ingin melihat sistem pendidikan yang inklusif dan relevan dengan kehendak pasaran pekerjaan abad ke-21 yang fokus ke arah keusahawanan dan inovasi.

Justeru, polemik politik tanah air perlu dihentikan. Gelombang ketiga sudah dibentuk generasi muda yang mahukan adalah sistem politik telus dan stabil dalam membina negara kukuh dari segi sosial dan ekonomi (Sivanesan, 2021). Mereka mahukan pemerintahan yang bertanggungjawab, bertindak balas terhadap keperluan rakyat, bersih dan bebas dari rasuah, dan bekerja untuk kepentingan rakyat. Pengajunran Parlimen Digital secara maya pada tahun 2020 melibatkan 222 belia memperlihatkan anak muda tidak lagi terus memilih untuk berada di belakang tabir sebaliknya sudah berani menyuarakan pendapat mereka untuk menjadi sebahagian daripada pengubal undang-undang negara terutamanya ketika negara berdepan dengan pandemic (Ramayah, 2020). Perbahasan melibatkan usul bagi mewujudkan pelan rangsangan ekonomi khusus untuk golongan belia.

Mengimpikan sebuah negara yang aman, maju dan makmur serta rakyatnya sejahtera, adalah impian semua manusia di dunia termasuk generasi muda tanpa mengira apa pun bangsa keturunan mahupun anutan rakyat Malaysia, mereka mahukan negara yang tercinta ini menjadi sebuah negara yang lebih baik, sebuah negara mithali kepada masyarakat dan dunia. Malaysia dalam proses transformasi negara sehingga menjadi sebuah Negara Rahmah adalah proses yang panjang dan tidak mudah. Prinsip rahmah ini wajar diterima oleh semua pihak tanpa mengira fahaman politik dan agama untuk mencapai status negara maju yang menyerlahkan kesyumulan Islam yang sesuai sepanjang zaman. Untuk mencapai sebuah Negara Rahmah, ia perlu dilakukan dengan kefahaman yang jelas dan membina.

Justeru, 12 ciri-ciri Negara Rahmah idaman anak muda Malaysia seperti yang disenaraikan adalah faktor-faktor penting dalam usaha untuk mewujudkan sebuah negara yang stabil, sejahtera dan bergerak mampan yang didukung oleh kepimpinan dan rakyat yang mengutamakan kasih sayang, kedamaian dan penyatuan.

1. Kepimpinan negara yang kompeten dan berintegriti
2. Sistem pemerintahan yang berasaskan semak dan imbang yang berkesan.
3. Tadbir urus yang baik
4. Undang-undang yang adil
5. Masyarakat yang berilmu, berakhlak dan penyayang
6. Institusi keluarga yang utuh
7. Hubungan etnik dan penganut agama yang harmoni
8. Ekonomi yang mampan
9. Agihan kekayaan yang saksama
10. Pembangunan yang Lestari
11. Kebajikan, kesihatan dan keselamatan rakyat terpelihara
12. Menerajui usaha keamanan dan kesejahteraan sejagat

4.2 Pemimpin yang diharapkan

Berdasarkan perbincangan yang diperoleh daripada kumpulan sasar. Terdapat beberapa kriteria yang jelas dimana ini adalah ciri-ciri pemimpin yang diharapkan oleh rakyat Malaysia. Antara ciri-ciri yang utama adalah pemimpin yang mempunyai sifat atau nilai integriti serta kejujuran yang tinggi. Pemimpin yang mempunyai nilai-nilai ini mampu mengembalikan keyakinan rakyat terhadap kepemimpinan semasa. Untuk memastikan para pemimpin dapat mengembalikan keyakinan rakyat, mereka harus memastikan untuk mengotakan janji-janji mereka yang telah mereka sampaikan kepada rakyat. Ini berikutan nilai-nilai inilah yang sering diulangi oleh para responden. Antaranya adalah, "...open untuk dengar rintih dan aduan rakyat (*act take action*), tepati dan buat all manifesto yang dia cakap...", "kepemimpin memiliki integriti yang tinggi dan berpegang pada prinsip-prinsip-janjinya kepada rakyat...", "...dapat dipercayai..." dan "...pemimpin memiliki integriti yang tinggi dan berpegang pada prinsip-prinsip etika..."

Berikutnya, keadilan dan kesetaraan rasial merupakan nilai yang penting dalam konteks masyarakat majmuk di Malaysia. Walaupun setelah beberapa dekad Malaysia telah mengecapi kemerdekaan, isu perkauman masih merupakan salah satu isu yang sensitif. Sekiranya ketidakadilan masih berlaku dan ianya berdasarkan perkauman. Hal ini boleh memecah belahkan keharmonian rakyat dengan mudah. Ini disokong melalui kenyataan salah seorang responden, "...pemimpin yang lebih mendekati rakyat, pemimpin yang tidak ada masalah perkauman (*rasict*), pemimpin yang bertanggungjawab terhadap semua kaum di Malaysia...". Keadilan dan kesetaraan yang diingini oleh rakyat jelas bermaksud untuk memberikan peluang, layanan dan hak yang setara kepada semua kaum tanpa diskriminasi. Berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh United Nations Development Programme (UNDP), kesetaraan rasial dan keadilan sosial yang diperjuangkan oleh negara-negara yang mempunyai masyarakat yang berbilang kaum terbukti mempunyai konflik yang rendah serta taraf ekonomi yang lebih berdaya saing.

4.3 Ciri-ciri pemimpin politik yang diidamkan

Selari dengan perubahan di skala global, pemimpin kini harus memiliki nilai-nilai inovatif dan kreatif. Elemen ini mampu memberikan idea baru untuk menyelesaikan masalah. Mereka tidak hanya mengikuti cara yang sudah ada, tetapi mereka juga mencipta cara yang lebih cekap dan produktif. Ini selaras dengan kenyataan daripada salah seorang responden yang mengatakan bahawa pemimpin harus "melebihkan aksi daripada kata-kata," yang menunjukkan bahawa pemimpin harus memberi tumpuan kepada tindakan dan hasil yang boleh diukur oleh rakyat. Menurut kajian kepemimpinan, kreativiti dan inovasi adalah kualiti kepemimpinan yang berkesan. Menurut Amabile, Schatzel, Moneta, dan Kramer (2004), pemimpin yang mendorong inovasi menggunakan praktik yang menggalakkan eksperimen, pemikiran out-of-the-box, dan mampu untuk belajar daripada kegagalan untuk mewujudkan persekitaran yang menggalakkan kreativiti. Selain itu, mereka juga cenderung untuk berupaya menangani perubahan dan meningkatkan prestasi organisasi secara keseluruhan. Justeru itu, kreativiti dan inovasi adalah ciri-ciri penting untuk pemimpin di zaman ini. Ini kerana mereka harus lebih berani untuk mengambil inisiatif baharu dan bersedia untuk menyesuaikan diri dengan perubahan zaman akan membawa kemajuan kepada organisasi mereka dan memastikan mereka relevan dan berkekal dalam persaingan global. Oleh itu, pemimpin yang ingin mencapai kejayaan dalam jangka masa panjang harus mempunyai dan mengembangkan ciri-ciri ini.

Selain itu, tidak dinafikan juga, rakyat mengidamkan pemimpin yang jujur dan berintegriti. Dalam erti kata lain, pemimpin politik yang budiman. Nilai ini merupakan nilai yang berulang kali diucapkan oleh responden kerana nilai ini juga merupakan salah satu nilai yang diharapkan oleh rakyat (4.2). Ini dapat dilihat daripada kenyataan-kenyataan para responden, "...berintegriti dan jujur mesti mematuhi nilai moral terdapat dipercayai oleh rakyat, sentiasa berusaha untuk melakukan yang terbaik, kepentingan rakyat bukan untuk kepentingan diri sendiri...", "...integriti, mampu mengambil keputusan yang adil..." serta "...amanah, jujur dalam tindakan, bertanggungjawab, memiliki kemahiran komunikasi yang baik dan berkomitmen kepada prinsip dan kebebasan berpendapat...". Secara keseluruhan, kejujuran adalah penting untuk kepemimpinan yang beretika dan berkesan. Apabila seorang pemimpin bertindak mengikut prinsip moral, bertindak dengan adil, dan jujur dalam setiap tindakannya, ia tidak hanya akan memperoleh kepercayaan rakyat tetapi juga akan mewujudkan persekitaran yang beretika dan produktif. Jika seseorang ingin menjadi pemimpin yang dihormati dan berjaya, ciri ini harus menjadi salah satu prinsip utama mereka.

4.4 Pandangan anak muda terhadap politik

Dalam analisis perbincangan yang dilontarkan anak-anak muda, beberapa pandangan dan prinsip yang berkaitan dengan skop politik perkauman dan politik berteraskan kaum di Malaysia. Naratif pandangan ini mencerminkan perspektif yang diambil dari pendapat mahasiswa dan mahasiswi Universiti Selangor yang terlibat dalam kajian mengenai pembentukan Kerangka Politik Idealisme. Politik nilai menjadi satu perkara asas yang signifikan dalam dunia politik (Schwartz et al., 2010). Politik nilai pula merupakan satu perkara yang perlu dilihat dari perspektif istimewa dengan mengangkat nilai idealisme budaya serta jati diri sesebuah bangsa dalam rangka pengaruh kuasa politik (Abdul Manan, 2021). Banyak krisis dan isu yang berlaku dalam arena politik turut melibatkan golongan mahasiswa dan golongan intelektual, secara tidak langsung membawa kepada aspirasi perjuangan konsep keadilan seperti pergerakan Solidarity yang berlaku di Poland tahun 1956 (Ekiert & Kubik, 2014).

4.4.1 Politik perkauman sebagai modus operandi untuk memajukan kaum

Salah satu pandangan yang dikemukakan adalah berpendapat bahawa politik perkauman boleh dilihat sebagai teknik yang baik untuk memajukan sesuatu kaum atau etnik, asalkan tidak menafikan darjat, hak atau kedudukan taraf kaum-kaum lain yang di Malaysia. Pendekatan ini boleh membawa kepada pengukuhan identiti dan kemajuan kaum tertentu, tetapi perlu dilaksanakan dengan langkah atau keadaan berhati-hati agar tidak menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan etnik lain yang turut berkongsi kehidupan di antara satu sama lain.

4.4.2 Prinsip keadilan dalam politik

Sebaliknya, ada juga pandangan daripada kelompok mahasiswa/mahasiswi ini yang menekankan pentingnya prinsip-prinsip keadilan dan memperjuangkan kepentingan masyarakat secara keseluruhan. Politik yang berasaskan keadilan cenderung mengutamakan kesamarataan dan hak setiap individu tanpa mengira kaum atau etnik. Ini dapat mengurangkan ketegangan antara kaum dan menyokong perpaduan nasional yang menjadi elemen penting di dalam menggagaskan sebuah negara yang lebih progresif dan dapat menghayati konsep sebuah negara MADANI. Malaysia adalah sebuah masyarakat plural dan berpotensi menjadi misali yang progresif, damai dalam kebersamaan, andai pluraliti ini dapat ditangani dengan waras dan bijaksana maka masyarakat dunia boleh mempelajari model masyarakat plural ala Malaysia (Siddiq Fadzil, 2018).

4.4.3 Politik berteraskan kaum dan ketegangan etnik

Politik berteraskan kaum pula sering mengutamakan kepentingan kumpulan kaum tertentu dalam proses keputusan politik. Walaupun pendekatan ini dapat memperkuat identiti kaum dan memberi keutamaan kepada agenda kaum tertentu, ia juga berisiko menimbulkan ketegangan antara kumpulan-kumpulan kaum yang memperjuangkan agenda masing-masing. Masalah berpuak mengikut kaum ini boleh memberi pandangan tertentu dan negatif terhadap kaum tersebut. Ahmad (2019) menyatakan bahawa Prof Siddiq Fadzil melakarkan idea pembaharuan dan hala tuju bagi membangun watak bangsa, dimana bangsa ini mewarisi kekayaan nilai-nilai budaya yang menjadi teras pembinaan watak yang ampuh dan tangguh.

4.4.4 Kesedaran dan penyatuan kaum

Walaupun terdapat usaha proaktif yang cukup memadai untuk mengurangkan suhu politik berasaskan isu perkauman, namun realiti yang sukar ditelan adalah masyarakat pada masa kini masih berpecah dan bersatu dalam pelbagai parti politik. Namun, ada pandangan optimis yang menyatakan bahawa

semakin bersatu antara kaum dalam satu jenama parti politik, maka secara tidak langsung akan mengurangkan isu perkauman dalam politik, dengan syarat sikap perkauman dalam kalangan rakyat tidak terlalu kuat dan menebal sehingga wujud jurang yang paling tajam.

4.4.5 Peranan agama dan penyatuan nasional

Kesedaran bahawa Islam adalah agama rasmi Malaysia juga perlu ditekankan sebagai faktor penyatuan, walaupun terdapat perbezaan kaum. Siddiq Fadzil (2016) berpandangan bahawa perintah bekerjasama atau tolong menolong dalam perkara kebaikan dan ketakwaan tidak hanya dalam ruang lingkup umat Islam sejagat, melainkan isyarat ayat tersebut turut menjelaskan kerjasama dengan golongan bukan Islam. Perpaduan dapat dicapai dengan menghormati agama rasmi tanpa mengganggu gugat keharmonian antara kaum. Politik perkauman dan politik berteraskan kaum masing-masing mempunyai kelebihan dan risiko. Politik perkauman boleh memajukan sesuatu kaum tetapi perlu dilaksanakan dengan adil tanpa wujud unsur diskriminasi taraf kaum yang lain. Sebaliknya, politik berteraskan keadilan lebih sesuai untuk memupuk perpaduan dan mengurangkan ketegangan antara kaum. Elemen pendidikan dan kesedaran masyarakat tentang pentingnya perpaduan nasional dan menghormati agama rasmi juga merupakan unsur penting dalam mencapai kestabilan politik dan sosial di Malaysia secara holistik. Bahkan Siddiq Fadzil (2012) menyatakan pengabaian terhadap dimensi keagamaan dan kebudayaan telah mengakibatkan berlakunya krisis jati diri serta keruntuhan integriti, malah bukan elemen nilai murni yang diraih melainkan amalan-amalan keji seperti rasuah dan amanah yang berleluasa.

Dengan mengambil kira pelbagai pandangan daripada perspektif anak muda dalam kalangan mahasiswa, dapat disimpulkan bahawa pembentukan Kerangka Politik Idealisme yang berkesan perlu mengambil kira pertimbangan kepentingan kaum dengan elemen-elemen seperti prinsip keadilan, menghormati agama rasmi, dan memupuk kesedaran dalam kalangan masyarakat mengenai pentingnya perpaduan nasional kepada sesebuah negara. Ini sekali gus dapat memastikan Malaysia berada di landasan yang betul untuk mengorak langkah bagi menjadi sebagai sebuah negara yang harmoni dan bersatu padu. Siddiq Fadzil (2014) sejarah masa lalu perlu dijadikan inspirasi kebangkitan semula dalam usaha membina kekuatan dengan upaya menggali nilai-nilai leluhur dan tradisi yang kita miliki sendiri.

4.4 Pandangan anak muda terhadap politik perkauman

Kemunculan generasi baharu dalam pilihan raya jelas menunjukkan bahawa generasi di Malaysia telah beranjak daripada generasi merdeka kepada pasca merdeka. Perubahan generasi, modenisasi dan perkembangan sistem demokrasi telah memberi ruang kepada golongan muda untuk menjadi pemimpin. Perubahan ini sebenarnya bukan sesuatu yang lazim dalam sistem politik kepartian di negara kita. Sejak pilihan raya pertama pada tahun 1959 sehinggalah tahun 80-an, pemimpin yang dipilih biasanya mereka yang dikira matang dari segi umur dan kebanyakan calon terdiri daripada golongan senior di peringkat parti masing-masing (Said, 2023). Golongan belia terutamanya pengundi muda harus diberi pemahaman mengenai kepentingan politik kerana mereka turut memainkan peranan sebagai ejen perubahan bagi setiap dasar negara (Bernama, 2023).

Secara umumnya, orang muda mempunyai sisi pandangan yang sangat berbeza dari segi politik, mereka tidak tertarik dengan politik perkauman serta politik lama yang bersifat 'terhutang budi'. Dalam konteks Malaysia, beberapa kajian dan penelitian telah berjaya membincangkan tentang orang muda dan kecenderungan mereka untuk memilih calon dalam sesebuah pilihan raya.

Semenjak Malaysia mencapai kemerdekaan percaturan politik di Malaysia dilihat terikat kuat dengan sentimen kaum. Ini memandangkan Malaysia adalah sebuah negara yang berbilang kaum dan ianya membuatkan persekitaran politik Malaysia itu tidak boleh lari dari ikatan perkauman (Mohd Dzaki, 2024). Parti-parti politik di Malaysia pada hari ini terpaksa meletakkan keutamaan kepada isu kaum dalam menentukan hala tujuan politik mereka. Mereka boleh melaungkan bahawa dasar perjuangan parti mereka adalah bukan berteraskan namun pada akhir percaturan mereka tetap akan kembali kepada isu kaum ini semula.

Namun begitu, pandangan anak muda terhadap politik perkauman di Malaysia lebih seragam dan kompleks. Ini kerana merasa kecewa dengan politik perkauman yang memecah belah dan menghambat kemajuan negara. Mereka menginginkan politik yang lebih inklusif dan fokus pada isu-isu yang dihadapi semua rakyat, seperti ekonomi, pendidikan, dan kesihatan. Anak muda dari berbagai etnik dan latar belakang semakin vokal dalam menentang *stereotype* dan diskriminasi berdasarkan bangsa dan agama. Mereka ingin dihargai sebagai individu dan dinilai berdasarkan kemampuan dan sumbangan mereka, bukan berdasarkan kaum atau etnik mereka.

Ramai anak muda menghargai kepelbagaian budaya dan etnik di Malaysia dan ingin melihat politik yang mempromosikan kesatuan dan kerjasama antara etnik, bukan memecah belah Masyarakat (Sabtu, et al., 2004). Anak muda menggunakan media sosial dan platform atas talian untuk menyuarakan pendapat mereka. Penyertaan politik anak muda tidak hanya terbatas kepada memberikan pendapat sahaja tetapi mereka kini lebih berani melakukan demonstrasi jalanan dan kempen. Meskipun terpaksa menempuh pelbagai halangan, ramai anak muda Malaysia yang optimis tentang masa depan politik negara. Mereka percaya bahawa generasi mereka dapat membawa perubahan positif dan membangun masyarakat yang lebih adil dan inklusif.

Terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi anak muda terhadap politik perkauman di Malaysia.

1. Latar belakang etnik dan budaya yang sering dikaitkan dengan pengalaman peribadi individu tersebut dengan diskriminasi dan prasangka.
2. Pendidikan yang memberikan paparan terhadap pendidikan yang merangkumi kepelbagaian budaya dan pemahaman sejarah yang kritis dapat mendorong pemikiran yang lebih mampan.
3. Akses kepada maklumat di media sosial atau ruangan maya dapat membolehkan anak muda mempelajari pelbagai perspektif tentang politik perkauman.
4. Keterlibatan anak muda dalam pelbagai aktiviti dan organisasi dapat meningkatkan kesedaran tentang masalah sosial dan politik yang berlaku di negara ini.

Pandangan anak muda terhadap politik perkauman di Malaysia terus berkembang. Mereka memainkan peranan penting dalam mendorong perubahan menuju masyarakat yang lebih adil dan saksama. Penglibatan secara langsung anak muda dalam arena politik semestinya dapat membantu membangunkan masa depan yang lebih cerah untuk Malaysia.

5. Kesimpulan

Kajian ini menemui komponen dan ciri-ciri penting yang menjadi asas kepada pembinaan negara bangsa Malaysia yang berjaya berdasarkan Kerangka Politik Idealisme. Kajian ini mendapati daripada hasil kajian kumpulan sasaran antara pelajar dan mahasiswi Universiti Selangor mendapati bahawa perpaduan, integriti, dan kepimpinan yang adil adalah beberapa perkara penting yang diperlukan untuk mewujudkan masyarakat yang harmoni, bermaruah, dan berwatak.

Anak muda Malaysia mengimpikan sebuah negara yang tidak mempunyai pemerintahan yang bersifat tirani, perkauman sempit, dan rasis yang tidak mengutamakan aspek kehidupan sejagat. Selain itu, generasi muda masa kini menekankan betapa pentingnya untuk bangkit dan berjuang untuk keadilan. Mereka juga menunjukkan cara untuk memilih pemimpin yang komited terhadap tanggungjawab mereka terhadap rakyat. Pemimpin politik yang diharapkan oleh golongan muda adalah mereka yang mempunyai integriti, keadilan, dan komitmen yang kuat terhadap perpaduan nasional.

Konsep Manhaj Maliziy berlandaskan pendekatan politik idealism berasaskan nilai adalah hasil gagasan pemikiran tokoh intelektual, Prof. Dato' Dr Siddiq Fadzil. Metodologi ini menekankan keseimbangan dalam pertumbuhan fizikal, rohani, emosi, dan intelektual rakyat Malaysia untuk memilih pemimpin dalam konteks politik. Ia selaras bagi melahirkan pemimpin yang budiman.

Secara keseluruhannya, kajian ini menyimpulkan bahawa pembentukan Kerangka Politik Idealisme berasaskan nilai yang berkesan memerlukan gabungan elemen-elemen seperti, tingkah laku bertanggungjawab, dan kepimpinan yang mempunyai tekad berwibawa. Dengan ini, Malaysia dapat terus maju sebagai sebuah negara yang bersatu padu, bermaruah, dan adil, memenuhi aspirasi generasi muda dan seluruh rakyatnya secara signifikan.

6. Penghargaan

Penulisan artikel ini adalah sebahagian daripada hasil kajian geran bertajuk **Pembentukan Kerangka Politik Idealisme Berasaskan Nilai Dengan Menggunakan Pendekatan Manhaj Malizy Dalam Kalangan Ahli Politik Di Malaysia**. Penghargaan kepada Institut Pemikiran & Kepemimpinan Siddiq Fadzil Universiti Selangor sebagai pemberi geran dan Institut Kajian Pilihan Raya dan Pemajuan Demokrasi Universiti Selangor sebagai badan yang menyelaraskan kajian ini.

7. Rujukan

- Amabile, T. M., Schatzel, E. A., Moneta, G. B., & Kramer, S. J. (2004). Leader behaviors and the work environment for creativity: Perceived leader support. *The Leadership Quarterly*, 15(1), 5-32.
- Ahmad, N. A. (2019). Dr Aiddiq Fadzil dan derap perjuangannya. *Borneo International Journal of Islamic Studies*, 2(1), 101-111. <https://journal.iain-samarinda.ac.id/index.php/bijis/index>.
- Basmin, A. (2023, April 1). *Merealisasikan Malaysia Menjadi Negara Rahmah*. IKRAM. <https://ikram.org.my/merealisasikan-malaysia-menjadi-negara-rahmah>
- Bernama. (2023, July 21). *Golongan muda perlu faham berkenaan politik sebagai penentu hala tuju negara*. Astroawani.com. <https://www.astroawani.com/berita-politik/golongan-muda-perlu-faham-berkenaan-politik-sebagai-penentu-hala-tuju-negara-428985>
- BERNAMA. (2023, November 24). *Kestabilan politik undang banyak industri labur, negara akan lebih agresif tahun depan - Pejabat Perdana Menteri Malaysia*. Pmo.gov.my. <https://www.pmo.gov.my/ms/2023/11/kestabilan-politik-undang-banyak-industri-labur-negara-akan-lebih-agresif-tahun-depan/>
- Ekiert, G., & Kubik, J. (2014). The legacies of 1989. Myths and realities of civil society. *Journal of Democracy*, 25, 46–58. <https://muse.jhu.edu/article/535535>.
- Hamka. (1980). *Dinamika sosial intelektual & pemikirannya tentang pendidikan Islam*.

- Institute for Economics & Peace. (2024). *Global Peace Index 2024: Measuring peace in a complex world*, Sydney, June 2024. <http://visionofhumanity.org/resources>
- Khalid, I. (2022, February 19). *Tanpa pendidikan dan ekonomi yang baik rakyat senang dimanipulasi*. Astroawani.com. <https://www.astroawani.com/berita-politik/tanpa-pendidikan-dan-ekonomi-yang-baik-rakyat-senang-dimanipulasi-347553>
- Mataiciwa, Rokoua. (2024). *A Helping Factor: The Roles of Non-Governmental Organizations in Democratic Governance - A Case Study of Fiji*. (Revised Version). 10.13140/RG.2.2.24242.21441.
- Mohd Dzaki, M. Z. (2024). *Politik rentas kaum di Malaysia: Bersediakan kita?* (pp. 84–90). http://eprints.usm.my/39228/1/ART_12.pdf
- Mustaffa Kamil Ayub. (2023). *Idealisme politik membangun Malaysia: Visi, cabaran dan pelan strategik Madani*. IIUM Press.
- Nyumba, T., Wilson, K., Derrick, C.J., & Mukherjee, N. (2018). The use of focus group discussion methodology: Insights from two decades of application in conservation. *Methods in Ecology and Evolution*, 9(1), pp.20–32.
- Ramayah, U. (2020, July 4). *Parlimen Belia: Anak muda tidak lagi memilih berada di belakang tabir*. Astroawani.com. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/parlimen-belia-anak-muda-tidak-lagi-memilih-berada-di-belakang-tabir-249766>
- Roslan Mahmood. (2020, Jun 19). *Hukuman lebih berat pencetus ketegangan kaum*. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2020/06/701841/hukuman-lebih-berat-pencetus-ketegangan-kaum>
- Sabtu, M. H., Azman, M. H., Norazman, M. A. N., Marzuki, M. D. I., Razali, A. S., Haironi, J. H., & Muzamil, N. I. A. (2024). Sentimen Perkauman dalam Kempen Pilihan Raya di Malaysia. *Human Sustainability Procedia*, 4(1), 46–56. <https://penerbit.uthm.edu.my/periodicals/index.php/hsp/article/view/16143>
- Said, S. (2022, Ogos 3). *Generasi muda dan politik*. Astroawani.com. <https://www.astroawani.com/berita-politik/generasi-muda-dan-politik-374205>
- Schwartz, S. H., Caprara, G. V., & Vecchione, M. (2010). Basic personal values, core political values, and voting: A longitudinal analysis. *Political Psychology*, 31(3), 421–452. <https://doi.org/10.1111/j.1467-9221.2010.00764>.
- Siddiq Fadil (2016). *Pembinaan bangsa: Kepelbagaian dalam bingkai kesatuan*. Shah Alam: Institut Darul Ehsan.
- Siddiq Fadzil (2012). *Islam dan Melayu: Martabat umat dan daulat rakyat*. Kajang: Akademi Kajian Ketamadunan.
- Siddiq Fadzil (2014). *Pendidikan al-Hikmah dan misi pencerahan: Himpuan pidato kependidikan*. Akademi Kajian Ketamadunan Kolej Dar al- Hikmah (KDH).
- Sivaraman, S. K., Pawi, A.A., & Rahman, Z.A. (2023). Politik nilai dalam konteks politik baharu di Malaysia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 8(2), 1-14. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i2.1931>.
- Syed Alsagoff, S. A. (2021, February 5). *Remaja 18 tahun sudah sedia memilih kerajaan?* *MalaysiaGazette*. <https://malaysiagazette.com/2021/02/05/remaja-18-tahun-sudah-sedia-memilih-kerajaan/>
- Tamil Selvam, S. (2021, August 12). *Belia mahu politik stabil, telus*. Astroawani.com. <https://www.bharian.com.my/rencana/minda-pembaca/2021/08/850240/belia-mahu-politik-stabil-telus>
- UNDP. (2020). *Human Development Report 2020: The Next Frontier - Human Development and the Anthropocene*. United Nations Development Programme.

World Happiness Report. (2024). Happiness of the younger, the older, and those in between.

<https://worldhappiness.report/ed/2024/happiness-of-the-younger-the-older-and-those-in-between/#ranking-of-happiness-2021-2023>

Yaakob, I. S. (2023, September 23). *Merapatkan jurang defisit sosial*. Astroawani.com.

<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kolumnis-merapatkan-jurang-defisit-sosial-435607>